

MSIA Reading Series 9

“KELESTARIAN HIDUP GOLONGAN B40: SUATU PERKONGSIAN”

Panel Speakers:

Prof. Dr. Wan Abd Aziz Wan
Mohd Amin
Prof. Madya Ts. Mohd Khairul
Amri Kamarudin

Moderator:

TPr. Herlina Ab Aziz

Ogos 2022

Edited By

Wan Abd Aziz W.M.A., Mohd
Khairul A. K. and Mohd
Shahwahid H.O.
(2022)



TOPIK:
"KELESTARIAN HIDUP GOLONGAN B40:
SUATU PERKONGSIAN"

MODERATOR
TPR. HERLINA AB AZIZ
Presiden
Pertubuhan Penilaian Impak
Sosial Malaysia (MSIA)

**WACANA ILMU SAINS
SOSIAL GUNAAN &
SEMBANG PAGI SABTU**
13 OGOS 2022 (SABTU)
9.00 – 10.30 PAGI

SPEAKER 1
PROF. DR. WAN ABD AZIZ WAN
MOHD AMIN
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Sultan Zainal Abidin

SPEAKER 2
PROF. MADYA TS. DR.
MOHD KHAIRULAMRI KAMARUDIN
(AHLI MSIA)
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Sultan Zainal Abidin

SECARA ONLINE DI WEBEX
LINK: <https://yup.la/wacanailmu>

Tel: +609-668 8305
<https://msiamy.org/> <https://www.facebook.com/Malaysian-Association-of-Social-Impact-Assessment>

TERBUKA KEPADA
SEMUA

Scan me! 

MSIA
Malaysian Association of Social Impact Assessment
Registration No: 0425-05-7

1. Pengenalan

Kemiskinan merupakan suatu fenomena yang telah wujud dalam negara sebelum kita mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957. Pada ketika itu didapati kira-kira 70% penduduk berada di bawah garis kemiskinan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut sehinggalah pada tahun 1971 diperkenalkan Dasar Ekonomi baru (DEB) sebagai dasar teras pembasmian kemiskinan yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam membasmi kemiskinan dengan mengurangkan jurang kemiskinan antara kaum. Isu kemiskinan menjadi semakin serius apabila berlakunya migrasi penduduk daripada luar bandar ke bandar bagi mencari peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih selesa berbanding kawasan luar bandar. Sehingga pada tahun 2003, didapati penduduk bandar meningkat kepada 62.5% hasil daripada peningkatan penghijrahan, pertumbuhan di kawasan bandar baru dan perluasan sempadan pentadbiran bandar.

Lambakan penduduk di dalam kawasan bandar menyebabkan berlakunya proses pembandaran yang kurang sihat antaranya seperti peningkatan kos sara hidup yang tinggi dan pengurangan keupayaan penduduk bagi memperoleh keperluan asas dan perkhidmatan dengan baik. Di sebalik kepesatan proses perbandaran tersebut, terdapat golongan terkesan yang terpaksa bergelut kesusahan untuk meneruskan kehidupan. Mereka ialah golongan miskin bandar yang ramai menetap di rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di beberapa lokasi di bandar utama di negara ini.

Berdasarkan kepada statistik dari Unit Perancangan Ekonomi (2015), pada tahun 2014 terdapat seramai 2.7 juta isi rumah masih tergolong dalam golongan B40 atau berpendapatan rendah. Purata pendapatan isi rumah B40 antara RM2,537 sehingga RM3,860. Pada tahun 2015 di dapati golongan miskin bandar 33.8% dengan berpendapatan antara RM1,500 dan RM3,000 sebulan.

¹ Prof. Dr Wan Abd Aziz bin Wan Mohd Amin merupakan seorang profesor di Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bidang kepakaran beliau adalah perancangan bandar & wilayah serta komunikasi. Antara bidang penyelidikan yang beliau terlibat termasuklah Komunikasi Interpersonal, Kajian Organisasi, Sosiologi Pembangunan dan Pentadbiran Pendidikan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Risiko di UniSZA pada tahun 2015 hingga 2017. Kini, beliau memegang jawatan sebagai Dekan di Fakulti Sains Sosial Gunaan, UniSZA.

² Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Khairul Amri Kamarudin merupakan seorang pensyarah di Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bidang kepakaran beliau adalah Sains Pembangunan, Pengurusan Persekitaran, Sistem Maklumat Geografi (GIS). Antara bidang penyelidikan yang beliau terlibat termasuklah Sains Sosial Persekitaran, Geografi, Hidrologi, Sedimentologi dan Perubahan Iklim. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), di UniSZA pada tahun 2017 hingga 2019. Kini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah di Fakulti Sains Sosial Gunaan, UniSZA dan merupakan salah seorang ahli MSIA (No. B247).

Manakala peratusan rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM2,500 hingga RM3,999 meningkat kepada 23,9% berbanding 13,1% pada tahun 1995 (Unit Perancang Ekonomi, 2016). Keadaan menunjukkan berlaku peningkatan golongan miskin bandar dalam tempoh 10 tahun ini.

2. Konsep Kemiskinan dan Miskin Bandar

Kemiskinan seringkali dirujuk sebagai suatu fenomena kekurangan, ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan isi rumah sehingga menjurus kepada penggunaan yang tidak cukup mahupun lengkap yang menjejaskan kesejahteraan hidup dalam sesuatu keluarga. Ada juga pandangan yang mengatakan kemiskinan itu merujuk kepada suatu keadaan kekurangan yang dihadapi oleh seseorang individu atau keluarga bagi mendepani kelangsungan kehidupan seharian (Zin & Tambi, 2018).

Konsep kemiskinan menurut pendefinisian secara global pula adalah suatu keadaan yang sukar atau kekurangan yang dihadapi oleh seseorang individu mahupun keluarga bagi memenuhi keperluan hak asasi manusia (Kartini 2016; Wratten 1995). Ini menggambarkan bahawa kemiskinan bukan hanya kekurangan kewangan sahaja malah juga melibatkan faktor selain kewangan yang menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat. Dengan kata lain kemiskinan itu terbentuk kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak diukur melalui pendapatan isi rumah dengan satu tahap yang dipanggil dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ia diukur dari segi keadaan individu yang tidak mampu untuk menampung keperluan asas bagi kesejahteraan hidup yang paling minimum. Justeru itu, pengukuran kemiskinan itu diambilkira dari segi pendapatan garis kemiskinan, Indeks Kualiti Hidup Malaysia, Indeks Kesejahteraan Hidup dan garis indeks kemiskinan serta kumpulan isi rumah B40 dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Kumpulan isi rumah B40 dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia boleh dikategorikan kepada 4 iaitu B1 berpendapatan bawah RM2,500, B2 RM2,501 hingga RM3,169, B3 RM3,170 hingga RM3,969 dan B4 RM3,970 hingga RM4,849. Kepelbagaian asas pengukuran yang digunakan dalam mengklasifikasikan kemiskinan ini juga memberi kesan kepada satu penyelesaian yang tuntas terhadap isu ini. Di bawah ditunjukkan kategori golongan B40, M40 dan T20 beserta peratusan kategori mengikut negeri. Pengelasan kategori ini merupakan usaha kerajaan dalam merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan yang berpendapatan rendah di Malaysia serta bagi memastikan jurang tidak terus melebar setiap tahun dan bantuan kerajaan tidak terus dipinggirkan untuk golongan ini.


KUMPULAN B40 Income	HAD PENDAPATAN SEBULAN
B1	Kurang daripada RM2,500
B2	RM2,501 hingga RM3,170
B3	RM3,171 hingga RM3,970
B4	RM3,971 hingga RM4,850

KUMPULAN M40 Income	HAD PENDAPATAN SEBULAN
M1	RM4,851 hingga RM5,880
M2	RM5,881 hingga RM7,100
M3	RM7,101 hingga RM8,700
M4	RM8,701 hingga RM10,970

KUMPULAN T20 Income	HAD PENDAPATAN SEBULAN
T1	RM10,971 hingga RM15,040
T2	Lebih dari RM15,041 sebulan

PERATUSAN B40, M40 DAN T20 MENGIKUT NEGERI

%Populasi mengikut Negeri



Manakala miskin bandar pula ialah golongan yang tinggal di bandar namun mempunyai pelbagai halangan untuk hidup di bandar. Kemiskinan bandar disebabkan oleh kos sara diri yang tinggi, ketidakstabilan pendapatan isi rumah, kegagalan memperoleh kemudahan dan barang keperluan asas, perumahan yang berkualiti rendah yang menyebabkan penghuninya mudah terdedah kepada masalah kesihatan, jenayah dan bencana alam semulajadi, diskriminasi serta kemudahan yang terhad kepada pasaran buruh.

Miskin bandar itu bukan sekadar ketidakmampuan untuk menyara keluarga malah turut merangkumi ketidakupayaan isi rumah berinteraksi bersama persekitaran. Keperitan hidup ini adalah kerana sektor bandar tidak mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan serta terdapat persaingan yang tinggi bagi mendapatkan pekerjaan bergaji lumayan, kemudahan asas dan tempat tinggal mampu milik (Siwar, Damanhuri & Aziz 2011). Golongan miskin bandar adalah mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal seperti penjaja, peniaga kecil dan pemandu yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan rendah (Katiman 1988; Khalid 2012). Kebiasaanya golongan miskin bandar mempunyai ciri-ciri tertentu seperti tidak mampu memiliki rumah sendiri akibat kesempitan hidup, jurang pendapatan tinggi serta harga tanah dan tempat tinggal yang meningkat naik. Pandangan ini seiring dengan Aini (2010) yang menyatakan faktor penyebab miskin bandar di Georgetown, Pulau Pinang ialah tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah, saiz keluarga yang besar, kurang peluang pekerjaan dan kadar ketersampaian kemudahan asas yang terhad. Kebanyakan golongan ini menetap di rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Manakala, Satterthwaite (2001) dalam kajian yang dijalankan oleh Fadzil & Rashid (2014) mengatakan miskin bandar terjadi apabila berlaku lapan perkara berikut :


- i. Pendapatan yang tidak mencukupi, pemakanan dan air yang kurang, keselamatan yang terjejas, dan masalah hutang.
- ii. Pemilikan aset dari segi rumah, tempat tinggal dan pendidikan yang tidak stabil dan tidak memuaskan.
- iii. Tempat tinggal yang terlalu padat, dibina daripada bahan binaan mutu rendah dan keadaan yang tidak selamat.
- iv. Infrastruktur dan kemudahan awam seperti bekalan air bersih, perparitan, kumbahan, jalanraya yang tidak mencukupi yang menambahkan bebanan kerja dan bebanan kesihatan.
- v. Penyediaan perkhidmatan dan kemudahan asas yang kurang.

- vi. Ketiadaan atau kekurangan jaringan keselamatan untuk memastikan keperluan asas boleh diakses dan diperolehi bila mana pendapatan kurang dan tidak lagi mempunyai peruntukan untuk membayar bagi perkhidmatan tersebut.
- vii. Kekurangan perlindungan dari segi mendapatkan hak undang-undang termasuk hak yang berkaitan dengan sivil, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, perlindungan dari keganasan dan jenayah, kawalan pencemaran, dan diskriminasi serta eksploitasi oleh sesuatu golongan atau gender.
- viii. Kumpulan yang tidak mempunyai kuasa dalam sistem politik, tidak mempunyai saluran untuk bersuara yang menyebabkan tidak mendapat apa-apa bantuan dan tindakbalas yang adil daripada kerajaan, agensi kerajaan, pertubuhan sukarelawan dan sebagainya.

Di bawah ditunjukkan data berkaitan pecahan bagi kategori B40 beserta peratusan isi rumah di bandar mengikut kelas pendapatan B40.

Negeri	B1 <RM2500	B2 RM2501- 3170	B3 RM3171- 3970	B4 RM3971- 4850	Jumlah (%)
Terengganu	3.2	8.0	18.9	13.1	43.2
Kelantan	13.8	25.4	17.7	11.5	68.4
Pahang	4.3	15.3	22.3	16.5	58.4
Kuala Lumpur	0.2	0.8	2.8	5.3	9.1
Pulau Pinang	2.9	9.3	11.9	12.0	36.1
Johor	3.5	9.4	11.0	11.6	35.5
Selangor	1.5	4.9	8.0	8.4	22.8
Kedah	8.7	17.5	18.0	15.3	59.5
Melaka	4.2	12.4	11.2	11.1	38.9
Perak	9.3	19.6	16.7	14.0	59.6
Negeri Sembilan	5.8	18.2	13.2	12.7	49.9
Perlis	7.9	18.7	15.7	13.5	55.8

Peratusan Isi Rumah di Bandar Mengikut Kelas Pendapatan B40



*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3. FAKTOR PENGUKURAN MISKIN BANDAR

Pengukuran miskin bandar dipengaruhi beberapa factor seperti yang dipamerkan di bawah.

Had

Tidak terhad kepada kuasa beli atau keperluan asas bakul makanan semata kerana kehidupan membabitkan ekosistem pelbagai dimensi yang berkaitan kualiti hidup.



Pendapatan Garis Kemiskinan

Pendapatan garis kemiskinan isi rumah bawah nilai PGK



Indeks Kualiti Hidup

Ukuran agregat mengenai kualiti hidup negara bagi menilai kesan pembangunan ekonomi ke atas penduduk.



B40

Kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia.

B1 berpendapatan bawah RM2,500,
B2 RM2,501 hingga RM3,169,
B3 RM3,170 hingga RM3,969,
B4 RM3,970 hingga RM4,849



Garis Indeks Kemiskinan

Berdasarkan kepada perbelanjaan minimum keperluan asas seharian

Pengukuran kaedah multidimesi meliputi pengukuran secara material dapat mengenal pasti kadar kemiskinan secara tepat daripada pelbagai perpektif

4. Kelestarian Hidup

Konsep kelestarian adalah satu usaha untuk menjaga kesejahteraan persekitaran fizikal memenuhi keperluan untuk hidup. Konsep pembentukan kelestarian hidup ini adalah berpaksikan kepada tiga prinsip utama yang menjadi tonggak dalam pembangunan lestari iaitu masyarakat, ekonomi dan alam sekitar. Persidangan di Rio de Janeiro pada tahun 1992 telah menjadikan manusia sebagai sasaran dalam mencapai pembangunan lestari melalui penglibatan oleh semua lapisan masyarakat (Paim, Haron & Aini 2009). Usaha ke arah pencapaian kualiti hidup yang baik boleh dilihat dari segi persekitaraan binaan yang memberi keselesaan kepada Penduduk dan keupayaan persekitaran ini turut menyediakan peluang ekonomi. Kehidupan yang berkualiti juga menuntut kepada keseimbangan ekonomi dan juga penjagaan alam sekitar yang melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial (Sarani, 2008; Zamhari & Perumal, 2016).

Kim (2008) dalam kajiannya mengatakan terdapat hubungan antara perubahan sosial kepada kesejahteraan hidup di mana perubahan yang berlaku akan memberi kesan kepada norma, kesihatan dan keselamatan. Antara lapan indikator sosial dalam melahirkan pembangunan holistik ialah kesihatan, keadilan dan keselamatan. Pada tahun 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperbaharui Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dengan memberi gambaran tahap kesejahteraan rakyat menggunakan 14 komponen. Komponen ini meliputi subkomposit kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial merangkumi pendidikan, pendapatan dan pengagihan, komunikasi, pengangkutan, persekitaran kerja, perumahan, liburan, keselamatan awam, keluarga, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan dan alam sekitar.


Kesejahteraan hidup merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga, komuniti dan negara. Aspek kelestarian hidup merupakan faktor utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah masyarakat atau negara (Hilmi et, al. 2017). Lapan indikator sosial untuk pembangunan holistik ialah indeks pencegahan jenayah, perubahan iklim dan alam sekitar, perpaduan, kesihatan rakyat, antidadah, integriti dan antirasuah, keharmonian agama dan keharmonian keadilan (Fazni, 2020). Pembangunan sosial berobjektif memberi perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi kesejahteraan sosial masyarakat (Institut Sosial Malaysia (2004).

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (1993), kualiti hidup dapat didefinisikan sebagai persepsi individu tentang statusnya dalam kehidupan dalam lingkungan budaya dan sistem. Ini berkait rapat dengan tujuan, harapan, tahap dan beban. Lehman (1983)

menganggap kualiti hidup sebagai pengalaman terbaik yang dialami oleh individu di bawah pengaruh kehidupan mereka. Menurut Varni et al. (2006), kualiti hidup (QOL) dapat didefinisikan sebagai struktur multi-dimensi, yang mencerminkan pandangan seseorang mengenai kebahagiaan dan kepuasan hidup. Dengan kata lain, makna kualiti hidup ini bergantung pada tahap keperluan setiap orang dalam memenuhi kepuasan mereka.

Elemen kualiti kejuruan dan sokongan sosial di kawasan setempat memberi kesan kepada kesejahteraan hidup penyewa (Garnham, 2020). Kajian Neve & Sachs (1992) menekankan kesihatan sebagai elemen penting dalam pembangunan kelestarian manusia. Dalam merancang bandar lestari dan kesejahteraan komuniti, tiga aspek utama dalam merealisasikannya ialah keselamatan, kesihatan dan kebajikan awam (Hadi, 2004). Iklima (2017) mengatakan kesihatan dan jaminan keselamatan adalah ciri-ciri kesejahteraan. Yusoff (2002) turut menekankan bahawa kesihatan dan struktur kejuruan adalah bagi membangunkan keadaan yang lestari dan mempunyai kualiti hidup yang baik.

5. Implikasi Miskin Bandar Terhadap Kelestarian Hidup



6. Senarai Bantuan 2022 Kerajaan Malaysia

Antara bantuan 2022 yang ditawarkan kerajaan Malaysia pada ketika ini adalah:



7. Perubahan Sosial dan Kelestarian Hidup

Perubahan sosial biasanya didefinisikan sebagai dinamika sosial atau peristiwa sosial di mana norma sosial, ciri sosial, sistem hierarki sosial atau kumpulan sosial mengalami perubahan dalam semua kehidupan mereka. Definisi perubahan sosial biasanya membawa kepada perubahan struktur dan fungsi kelompok masyarakat. Menurut Robert H. Lauer, proses perubahan sosial dalam antropologi berlaku secara evolusi, difusi, akulturasi, asimilasi dan akomodasi. Proses perubahan secara difusi melibatkan penyebaran unsur budaya secara intra-masyarakat atau antara inter-masyarakat. Salah satu faktor yang mempengaruhi difusi intra-masyarakat adalah menerima atau menolak pengaruh unsur budaya baru terhadap corak kehidupan sosial atau diterima oleh masyarakat dan menolak kekurangannya. Hal ini juga bergantung pada status dan peranan sosial individu dan sikap pemimpin atau pemerintah. Difusi inter-masyarakat pula adalah difusi unsur budaya dari satu masyarakat kepada masyarakat yang lain. Hubungan sosial antara masyarakat yang berbeza, keupayaan dan kecekapan sosial dalam memanfaatkan penemuan baru, pengiktirafan kegunaan penemuan baru, kurangnya persaingan terhadap penemuan baru, sosialisasi penemuan baru yang berterusan oleh masyarakat dan tindak balas terhadap unsur baru merupakan antara yang mempengaruhi difusi inter-masyarakat.

Di Malaysia, pelbagai cabaran telah dilalui untuk membasmi kemiskinan selain daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka dengan matlamat jangka panjang untuk menstrukturkan

kembali masyarakat. Sehingga kini kadar kemiskinan negara menunjukkan penurunan yang memberangsangkan. Tetapi harus diteliti, bahawa kemiskinan di Malaysia masih diukur dengan kemiskinan mutlak iaitu garis kemiskinan berdasarkan kepada garis pendapatan isirumah. Sehubungan dengan itu jika dirujuk kepada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2013 dan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, menunjukkan kesungguhan kerajaan meningkatkan tahap kesejahteraan hidup rakyat tanpa mengira kaum. Walaupun indeks kesejahteraan hidup menunjukkan peningkatan tetapi isu yang berkaitan dengan miskin bandar masih lagi wujud. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga, komuniti dan negara kerana ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti atau Negara (Mahadzirah et. al., 2015). Kemiskinan juga memberi kesan langsung kepada keupayaan modal insan. Kajian yang telah dijalankan oleh Subhi, Mohamad, Sulehan, Ali, dan Bakar (2016) mendapati bahawa pendidikan adalah agen terbaik dalam usaha mengubah status, ekonomi keluarga.

Menurut Zin dan Tambi (2018) untuk mengatasi isu kemiskinan bandar dan kesannya terhadap pembangunan, pendidikan golongan lewat kembang perlu diperkenalkan seperti memberi pendidikan yang lebih terbuka dan meluas dengan mengikut skala kemampuan yang dimiliki oleh mereka seperti; pendapatan isi rumah, berdekatan kawasan tempat tinggal dan keupayaan perkhidmatan pengangkutan awam yang mudah. Kajian lepas juga mendapati modal sosial juga memainkan peranan penting dalam menangani kemiskinan bandar. Dapatan kajian menunjukkan modal sosial dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat seperti kajian oleh Dinda (2014), Lumintang (2015) dan Zolkifeli & Amin (2018) merumuskan terdapatnya pengaruh modal sosial terhadap kualiti hidup. Kajian yang telah dijalankan oleh Jayasooria (2016) mendapati 54% daripada kumpulan B40 di negara ini menetap di kawasan bandar dan dikenali sebagai golongan miskin bandar. Jumlah miskin bandar tersebut juga direkodkan seramai 65% yang mendiami kawasan bandar (Siwar et al. 2019). Keadaan ini menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kewujudan golongan miskin bandar antaranya ialah migrasi antara masyarakat luar bandar ke kawasan bandar, proses urbanisasi dan taraf pendidikan yang rendah (Wilson & Aponte 1985; Ravallion 2007; Rashid & Ab Ghani 2007; Zin & Tambi 2018).

Cabaran yang dihadapi dalam menghadapi isu pertambahan miskin bandar ini adalah kerana perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat tidak dapat ditangani dengan berkesan. Ketiadaan suatu pengukuran komprehensif yang mengambil kira pelbagai faktor yang menjadi ukuran kepada miskin bandar menyebabkan isu ini tiada kesudahan. Justeru perlu kepada suatu pembentukan kerangka model adaptasi perubahan sosial yang merangkumi aspek kesejahteraan sosial, modal insan dan model sosial yang menyeluruh yang dapat

dijadikan pengukuran kepada mewujudkan kelestarian hidup golongan miskin bandar. Pembentukan model adaptasi perubahan sosial dapat menyumbang kepada pembentukan polisi yang berkaitan dengan pembangunan sosial khususnya golongan miskin bandar supaya mereka tidak terpinggir kesan perubahan sosial akibat modernisasi yang berlaku. Model ini dapat menghasilkan indeks perubahan sosial yang boleh menjadi petunjuk kepada golongan miskin bandar dalam kelestarian hidup akibat daripada modernisasi dan urbanisasi. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Dengan kata lain ia memberi fokus kepada merapatkan jurang pendapatan antara negeri, golongan yang kaya dengan miskin serta bandar dan luar.

Disamping itu pengukuran kaedah kemiskinan multidimensi iaitu ukuran kemiskinan pelbagai dimensi atau IKM (Gopal et al., 2021) perlu diaplikasikan kerana kelebihanannya mengenalpasti indeks miskin bandar dengan lebih menyeluruh. Pengukuran multidimensi meliputi pengukuran secara material seperti pendapatan, perumahan, kesihatan, perhubungan dan bukan material seperti emosi, psikologi dan kerohanian (Gopal, 2013). Melalui pendekatan ini ia dapat mengenal pasti kadar kemiskinan secara tepat daripada pelbagai perspektif malah sesuatu program atau pemberian insentif pembasmian kemiskinan dapat dikenalpasti penyaluran insentif dengan tepat kepada kumpulan sasaran. Dalam menzahirkan kelestarian hidup dalam kalangan miskin bandar, konsep kelestarian perlu diseimbangkan di antara ekosistem alam sekitar dengan kesejahteraan hidup. Konsep yang mendasari prinsip kelestarian iaitu pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar perlu dijadikan asas dalam pembentukan komuniti lestari dengan mengambilkira perubahan sosial yang berlaku seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi yang bergerak pantas.

8. Pengalaman Penggunaan Aplikasi GIS dalam Kajian Pembangunan Sosial


Dalam menangani kelestarian hidup golongan miskin bandar, faktor yang mempengaruhi perubahan sosial perlulah ditangani dengan menyeluruh dan spesifik supaya segala perancangan dan tindakan yang dilakukan terus sampai kepada golongan sasaran dan memberi impak yang signifikan terhadap perubahan taraf hidup masyarakat secara mampan. Justeru itu, penggunaan aplikasi System Maklumat Geografi atau lebih dikenali GIS dapat membantu dalam mengenalpasti lokasi sebenar golongan sasaran serta proses pemantauan lanjut yang akan dijalankan dalam menyelesaikan isu yang dikehendaki.

Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan suatu sistem yang direka bentuk bagi mengintegrasikan maklumat berkaitan ciri yang ada pada permukaan bumi sama ada fizikal ataupun sosial. Ini bermakna GIS memiliki skop yang menyeluruh terhadap ciri geografi dan apa-apa pemboleh ubah yang akan dikaji serta boleh diintegrasikan berdasarkan reruang (spatial) dan masa. Kriteria yang dimaksudkan ini adalah merangkumi proses semula jadi yang berlaku pada hidupan ataupun bentuk muka bumi sesuatu kawasan (Daut, Harihodin & Mohd Shafry, 2002). GIS ditakrifkan sebagai satu sistem untuk menangkap, menyimpan, memeriksa, mengintegrasikan, memanipulasi, menganalisis, memetakan dan memaparkan data yang berkaitan dengan reruang yang berpandukan kepada bumi (Ang, 2015). Dengan kata lain GIS dapat mensimulasikan atau memodelkan keadaan sebenar (Model of “reality”) apa yang berlaku di permukaan bumi ke dalam model digital berkomputer atau lebih dikenali (Thematic Map) di dalam GIS (Rujuk Rajah di bawah). Justeru itu, apa-apa perancangan pembangunan dapat disimulasikan atau di modelkan terlebih dahulu dalam menilai atau mengenalpasti kesan yang akan berlaku kelak. Hal ini dapat menjimatkan kos dan masa dalam memastikan keputusan pembangunan terbaik diambil.

GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)

Graphic (or Image) Component

A picture or graphic located in reference to a known model of the earth.




Antara perkongsian pengalaman penggunaan aplikasi GIS dalam kajian pembangunan sosial dalam menangani masalah kemiskinan, kajian berkenaan “Kajian Dan Khidmat Perundingan Cadangan Pelan Pembangunan Komuniti Bagi Dun Kemasik, Terengganu” akan diketengahkan. Secara umumnya, Isu Utama Kajian ini adalah berfokus kepada empat

komponan utama iaitu Kesejahteraan Hidup, Peluang Pekerjaan, Penjanaaan Ekonomi dan Pembangunan Fizikal. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keperluan pembangunan penduduk setempat yang akan diintegrasikan dengan model spatial bagi penyusunan pelan yang lestari dan berimpak kepada komuniti setempat. Beberapa cadangan kepada pelan pembangunan komuniti berasaskan isu kritikal juga dihasilkan bagi pembangunan jangka pendek. Objektif kajian ini merangkumi mengenal pasti kualiti hidup masyarakat setempat kesan daripada pembangunan perindustrian yang berlaku di Kemasik, menentukan keperluan penduduk setempat mengikut perkembangan semasa di Kemasik, mensimulasikan Model Spatial Kualiti Hidup masyarakat di DUN Kemasik menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan akhir sekali mencadangkan program pembangunan mengikut keperluan komuniti.

Berikut merupakan antara hasil kajian yang telah diintegrasikan bersama GIS didalam kajian ini.

Rajah di atas menunjukkan skala berwarna yang mewakili daripada tahap sangat tidak berpuas hati sehingga ke sangat berpuas hati terhadap pendapatan yang diperoleh. Skala yang berwarna biru menunjukkan sangat tidak berpuas hati dan tidak berpuas hati, manakala skala yang berwarna kuning pula menunjukkan tahap sederhana dan diikuti dengan warna oren yang bermaksud berpuas hati, merah pula bermaksud sangat berpuas hati. Berdasarkan rajah tersebut, hasil daripada kajian mendapati bahawa hampir keseluruhan penduduk kampung di Kemasik berpuas hati dengan pendapatan yang diperoleh oleh mereka. Namun begitu terdapat beberapa bilangan penduduk yang kurang berpuas hati dengan pendapatan yang diperoleh setiap bulan. Hal ini juga menunjukkan kadar kepuasan dan kecukupan penduduk dalam perbelanjaan harian mereka pada setiap bulan adalah di antara sederhana dan berpuas hati, namun begitu masih terdapat beberapa bahagian kecil yang berskala tidak berpuas hati dengan tahap perbelanjaan bulanan mereka. Seterusnya, Rajah tersebut juga menunjukkan skala berwarna bagi tahap kualiti hidup penduduk di Kemasik. Warna biru menunjukkan tidak sangat tidak berpuas hati dan tidak berpuas hati, bagi warna kuning pula menunjukkan tahap kualiti hidup yang sederhana, warna oren pula merujuk kepada tahap kualiti hidup yang baik dan merah mewakili tahap kualiti hidup yang sangat baik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di kawasan Kemasik, tahap kualiti hidup adalah dalam skala baik ke sangat baik, namun begitu terdapat beberapa kawasan kampung yang mempunyai tahap kualiti hidup yang sederhana dan juga tidak memuaskan.



Daripada hasil kajian ini, pihak berkepentingan dapat mengetahui secara spesifik dan tepat lokasi ketidakpuasan hati penduduk dan lokasi mana yang menunjukkan tahap kualiti hidup atau kesejahteraan hidup yang rendah. Hasil daripada maklumat ini, pelbagai program dan inisiatif dalam menyelesaikan masalah ini atau dalam mengembalikan kefungsiian sosial masyarakat setempat dapat di rancang secara lebih terfokus dan menjurus kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Dengan ini, keputusan yang tepat dapat diambil.

Antara contoh cadangan pelaksanaan projek bantuan yang hendak dijalankan juga telah di modelkan dahulu melalui tahap minat komuniti tersebut. Contohnya dalam sektor pertanian penduduk di Kemasik.


Pertanian adalah satu perniagaan yang dapat menjana pendapatan penduduk secara meluas. Rajah diatas menunjukkan tahap minat penduduk dalam melakukan aktiviti pertanian untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan. Skala berwarna biru menunjukkan penduduk kurang berminat dalam aktiviti pertanian manakala skala berwarna kuning pula menunjukkan penduduk merasakan minat dalam pertanian adalah neutral bagi warna oren pula menunjukkan minat dalam pertanian adalah tinggi dan diikuti oleh warna merah di mana mewakili tahap minat dalam pertanian adalah sangat tinggi.

Melalui data dan maklumat ini, ianya dapat menjadi satu alat untuk membantu pihak berkepentingan membuat keputusan. Sistem ini juga telah disepadukan melalui satu sistem yang digelar Easy-GO Community Development Tool (Rajah dibawah) yang seakan-akan

Decision Support System (DSS) dalam membantu pihak berkepentingan membuat keputusan yang tepat, cepat dan dapat menjimatkan kos.



Sistem ini juga boleh digunakan melalui smartphone dimana ianya dapat gunakan dimana-mana sahaja dengan lebih mudah. Ianya amat memudahkan para pegawai pihak berkepentingan dalam menjalankan proses pemantauan bagi program yang akan dijalankan. Ianya juga diselaraskan dengan Google earth yang menyebabkan semua aplikasi menunjuk arah dan sebagainya juga digunakan (rujuk rajah dibawah).



9. Kesimpulan

Dalam menangani kelestarian hidup golongan miskin bandar, faktor yang mempengaruhi perubahan sosial perlulah ditangani dengan menyeluruh supaya segala perancangan dan tindakan yang dilakukan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup miskin bandar dapat dilakukan menepati sasaran golongan yang sememangnya memerlukan kepada perhatian dan bantuan. Ketiadaan suatu pengukuran yang bersifat multidimensional dalam menentukan indeks kemiskinan menyebabkan isu miskin bandar ini sentiasa terkesan sekiranya berlaku perubahan sosial dalam masyarakat.

Dengan adanya pengukuran kemiskinan multidimensional yang bersifat dinamik akan dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengenalpasti golongan ini dengan lebih berkesan lagi. Pemahaman kepada konsep perubahan sosial perlu juga kepada kajian lanjutan kerana perubahan kepada faktor persekitaran memerlukan kepada penelitian dimensi baru yang perlu diterokai seperti kesejahteraan sosial, modal sosial dan modal insan.

Pembentukan kerangka adaptasi perubahan sosial ini adalah bersesuaian dengan mengambilkira faktor dalaman sistem sosial dan faktor kefungsiian sosial yang dapat menjadi garis panduan kepada pembentukan komuniti lestari golongan miskin bandar. Pengaplikasian GIS dalam menangani masalah ini juga dapat mempermudah lagi keputusan yang tepat dan terfokus yang lebih lestari.

Rujukan

Aini, K. (2010). Kajian Kemiskinan Bandar dalam kalangan Penduduk Melayu di Flat Sri Pinang, Georgetown, Pulau. Pinang. (Unpublished master's thesis). Universiti Sains Malaysia.

Ang, K. H. (2015). Sistem Informasi Geografi (GIS): Pengenalan kepada perspektif computer. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(1), 24-31.

Daut, D., Harihodin, S., Mohd Shafry, M. R. (2002). Spatial and Non-Spatial Databases Enhancement for Hydrological Information System (HIS). (Unpublished thesis). Jabatan Grafik Dan MultiMedia, Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi Malaysia. (RESEARCH VOTE NO: 72192).

Dinda, S. (2014). Inclusive Growth Through Creation of Human and Social Capital. *International Journal of Social Economics*, 41(10), 878–895.

Fazni, M. (2020) Mendepani kemajuan negara melalui pembangunan sosial. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/02/653722/mendepani-kemajuan-negara-melalui-pembangunan-sosial>.

Gopal, P. S. (2013). Urban Poverty among Indians in Penang: A Study on Nonmaterial Causes (Doctoral dissertation). Universiti Sains Malaysia.

Gopal, P. S., Rahman, M. A. A., Malek, N. M., Singh, P. S. J., & Hong, L. C. (2021). Kemiskinan Adalah Satu Fenomena Multidimensi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 40-51.

Hadi, A. S., Idrus, S., & Shah, A. H. H. (2004). Persekitaran Bandar Lestari untuk Kesejahteraan Komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5, 3-29.

Hilmi, M. A. B., Nazari, A. M. R., Wafa, S. W., Wafa, S. S. T., Mahadzirah, M., & Habsah, M. (2017). Comparison of Cumulative Grade Value between Conventional Method and iCGPA System. In: iCGPA International Conference.

Iklima, I. (2017). Urbanisasi dan Kesejahteraan Masyarakat Desa: Penelitian Pada Masyarakat Desa Pakalongan Kecamatan Sodonghilir Kabupaten Tasikmalaya. Doctoral Dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung.

Jayasooria, D. (2016). Sustainable Development Goals and Social Work: Opportunities and Challenges for Social Work Practice in Malaysia. *Journal of Human Rights and Social Work*, 1(1), 19-29.

Kartini Aboo Talib@Khalid. (2016). Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika*, 86 (2), 65-78.

Katiman, R (1988) Pengantar Geografi Bandar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khalid, H. N. (2012). Satu Analisis Mengenai Dikotomi antara Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4 (1).
- Kim, J. (2008). Perception of Social Change and Psychological Well-Being: A Study Focusing on Social Change in Korea between 1997 and 2000. *Journal of Applied Social Psychology*, 38 (11), 2821–2858.
- Lehman, A. F. (1983). The Well-being of Chronic Mental Patients Assessing Their Quality of Life. *Archives of General Psychiatry*, 40 (4), 369-73.
- Lumintang, J. (2015). Pengaruh Perubahan Sosial terhadap Kemajuan Pembangunan Masyarakat di Desa Tara-tara I. *E-Journal Acta Diurna*, 4 (2), 1–4.
- Mahadzirah, M. (2015). Maqasid Syariah Approach of Measuring Quality of Life.
- Neve, J. De, & Sachs, J. D. (1992). Sustainable Development and Human Settlements. *Australian Planner*, 30 (4), 207–210.
- Paim, L., Haron, S.A. & Aini, M.S. (2009) Penggunaan Lestari: Antara Realiti dan Cabaran. Universiti Putra Malaysia Press. 130-150.
- Rashid, M. F. A., & Ab Ghani, I. (2007). Migrasi dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur. In Kertas kerja, Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekitaran & Masyarakat (pp. 17-18).
- Ravallion, M. (2007). Evaluating Anti-Poverty Programs. *Handbook of Development Economics*, 4, 3787-3846.
- Sarani, A. S. (2008). Kehidupan Berkualiti. In: Ab Majid, M. Z. et al. Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban. Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur, 375-467.
- Siwar, C., Damanhuri, N. A., & Aziz, S. A. A. G. (2011). Rancangan Pembangunan Malaysia: Isu Tukar-Ganti (Trade-Off) antara Pertumbuhan dengan Kelestarian. *International Journal of Management Studies*, 18, 7-33.
- Siwar, C., Ismail, M. K., Alias, N. A. & Zahari, S. Z. (2019). Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran. 33 – 50.
- Subhi, N., Mohamad, M. S., Sulehan, J., Ali, M., & Bakar, N. R. A. (2016). Kepentingan Motivasi Pendidikan Dalam Pemerkasaan Komuniti Pribumi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2).
- Unit Perancang Ekonomi (2016). Kualiti Hidup Malaysia. Malaysia Quality of Life. Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). Economic Planning Unit: 50 years of charting Malaysia's Development. Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, Kuala Lumpur, ISBN, 10, 983409812X.
- Wilson, W. J., & Aponte, R. (1985). Urban Poverty. *Annual Review of Sociology*, 11 (1), 231-258.
- Wratten, E. (1995). Conceptualizing Urban Poverty. *Environment and Urbanization*, 7 (1), 11-38.

Yusoff, N. (2015). Modal Sosial dan Pencapaian Pendidikan Pelajar Desa: Kajian Kes di Empat Buah Sekolah Harian Biasa di Kedah Darul Aman. Doctoral dissertation, University of Malaya.

Zamhari, S. K., & Perumal, C. (2016). Cabaran dan Strategi Ke Arah Pembentukan Komuniti Lestari (Challenges and Strategies Towards A Sustainable Community). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (12).

Zin, N. A. M., & Tambi, N. (2018). Faktor Kemiskinan Bandar terhadap Pembangunan Pendidikan Golongan Lewat Kembang (Factors of Urban Poverty towards the Development of Late Bloomer's Education). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (3).

Zolkifeli, Z., & Amin, A. (2018). The Effects of Social Capital and Mental Health on Quality of Life among Low Income Group in Urban Areas in East Coast of Peninsula Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9 (8), 904–909.

Pengiktirafan

Perkongsian dan pandangan ahli panel dan peserta yang menyumbangkan soalan dan idea sepanjang sesi Sembang Pagi Sabtu amat kami hargai.

Penafian

Dalam semangat keterangkuman dan ketelusan, MSIA terbuka dan kerap menjemput pakar dari pelbagai bidang dan pihak berkepentingan untuk berkongsi perspektif mereka tentang bagaimana proses SIA boleh menjadi lebih inklusif dan digunakan dalam pelbagai profesion. Walau bagaimanapun, sebarang pandangan dan andaian yang dinyatakan hanyalah pandangan ahli panel dan tidak semestinya mencerminkan pandangan editor MSIA.